

# Sultan Johor : Tiada jalan singkat untuk berjaya

**BATU PAHAT** - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mengingatkan graduan agar tidak menyalahgunakan ilmu yang dipelajari untuk perkara yang tidak berfaedah termasuklah menipu dan mencuri.

Titah baginda, graduan yang menerima ijazah juga diingatkan supaya tidak bersikap sombong dengan ilmu pengetahuan atau kelebihan yang mereka miliki.

"Mereka (graduan) perlu merancang kehidupan dengan sempurna dan tidak terikut-ikut pengaruh rakan yang cetek akal serta sekiranya kejayaan diharapkan belum dicapai, buatlah dulu apa juga kerja yang boleh beri pendapatan dan rezeki yang halal.

"Jangan pula gunakan ilmu dan kebolehan yang ada untuk kerja tidak baik seperti menipu atau mencuri," titah baginda semasa merasmikan Majlis Konvokesyen Univeristi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Ke-16 di Dewan Sultan Ibrahim, semalam.

Turut berkenan hadir ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang juga Pro Canselor UTHM.

Hadir sama, Pro Canselor UTHM, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Penggerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Dr Ir Jamilus

Md Hussin dan Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Pada majlis konvokesyen itu, Sultan Ibrahim berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Gabenor Sulawesi Selatan, Dr Syahrul Yasin Limpo atas sumbangan dan kejayaan beliau membangunkan wilayah tersebut.

Titah baginda, tiada jalan singkat untuk berjaya dalam kehidupan ini, melainkan bermula dari bawah dengan mencari kerja, meningkatkan pengetahuan dan kebolehan serta membentuk kualiti dalam diri.

"Setiap manusia diberikan rezeki berbeza, namun kita mesti sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan, ikutlah resmi padi makin berisi makin tunduk dan jangan pula ikut resmi lalang makin berisi makin tegak

"Pada kesempatan ini saya merakamkan tahniah kepada seluruh warga UTHM daripada pekerja hingga ke pelajar dan terutamanya kepada Naib Canselor yang akan menamatkan perkhidmatannya tidak lama lagi

"Saya turut berbangga dengan pencapaian UTHM yang menjadi salah satu universiti yang menjadi pilihan industri untuk mengambil graduan bekerja," titah baginda.